

02/08/2002

Dr M tinjau kemajuan projek pelancongan

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di sini bagi menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi-Global 2002 (LID-Global 2002), meninjau kemajuan dua projek pelancongan utama yang sedang dibangunkan.

Perdana Menteri memulakan lawatan dengan meninjau projek pembinaan kereta kabel di Oriental Village, Teluk Burau dan Langkawi Harbour Park di Pantai Kok, di sini.

Dr Mahathir bersama Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan perunding projek, Dr Peter A Wyss menaiki kereta kabel gondola sepanjang 2.2 kilometer (km) untuk ke puncak.

Beliau kemudian meluangkan masa meninjau kemajuan projek sambil diberi taklimat oleh Wyss.

Projek perkhidmatan kereta kabel yang menghubungkan kompleks beli-belah bersepadu dengan puncak gunung Machinchang setinggi 708 meter itu kini 95 peratus siap dan dijangka beroperasi akhir bulan ini.

Projek itu idea Dr Mahathir ketika beliau menaiki helikopter melalui kawasan gunung berkenaan pada 1999.

Dari Oriental Village, beliau singgah di Pantai Kok untuk meninjau pembangunan Harbour Park Langkawi, satu projek berkonsepkan Mediterranean yang menggabungkan pembinaan marina, hotel dan kawasan perumahan.

Beliau diberi taklimat mengenai tahap pembangunan Harbour Park Langkawi oleh perunding projek yang juga pelayar negara, Datuk Azhar Mansor.

Terdahulu, beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Lapangan terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat di sini pagi ini untuk menghadiri dialog empat hari yang berlangsung di Pelangi Beach Resort, Pantai Cenang.

Ketibaan Dr Mahathir disambut Menteri Besar Kedah, Syed Razak; exco kerajaan negeri, penasihat Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (Might) Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman dan ketua eksekutif Perkongsian Komanwel Bagi Teknologi Tinggi (CTPM) Datuk Dr Mihaela Smith.